



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-17 SECARA ATAS TALIAN**

TARIKH : **17 JULAI 2020 (JUMAAT)**
MASA : **9.00 PAGI**
PLATFORM : **MENERUSI APLIKASI ZOOM MEETING**
KEHADIRAN : **SEPERTI DI LAMPIRAN A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
17.1	Aluan Pengerusi Pengerusi: (a) memulakan mesyuarat dengan mengalu-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-17 secara atas talian melalui Aplikasi Zoom Meeting. (b) turut mengalukan kehadiran ahli baharu mesyuarat iaitu: (i) Encik Wan Hafizi Wan Umar selaku Penyelaras Penilaian Risiko ISMS yang baharu; (ii) Encik Shahril Iskandar Amir selaku Ketua, Pasukan Pusat Data yang baharu; dan (iii) Encik Rostam Abu Bakar selaku Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data yang baharu. (c) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan ahli mesyuarat berikut: (i) Puan Hashimah Amat Sejani, mantan Penyelaras Penilaian Risiko ISMS; dan (ii) Encik Mohd Zul Mohd Yusoff, mantan Ketua Pasukan Pusat Data.	Makluman Makluman Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
	(d) turut merakamkan ucapan selamat bersara kepada Penasihat ISMS daripada Pusat Jaminan Kualiti iaitu Encik Mustaffa Haji Dollah yang akan mula bercuti sebelum bersara wajib pada 1 November 2020.	Makluman
17.2	Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-16 Mesyuarat mengambil maklum Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-16 yang diadakan pada 03 Februari 2020 disahkan tanpa sebarang pindaan.	Makluman
17.3	Perkara Berbangkit (a) Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-16 sebagaimana Lampiran Agenda 3.0 yang dibentang. (b) Mesyuarat mengambil maklum semua tindakan yang diputuskan semasa mesyuarat kali ke-16 telah dan sedang diambil tindakan oleh pasukan ISMS yang terlibat. (c) Mesyuarat turut memohon semua pasukan untuk menyemak kecukupan bukti penutupan serta keberkesanan tindakan ke atas penemuan Audit Dalaman dan Audit Badan Pensijilan ISMS Tahun 2019 semasa pelaksanaan Audit Dalaman ISMS Tahun 2020 setiap pasukan.	Makluman Makluman Semua Ketua Pasukan ISMS
17.4	Laporan Objektif Keselamatan Maklumat (a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 adalah seperti mana perincian yang dinyatakan pada Lampiran Agenda 4.0 yang dibentang. (b) Mesyuarat mengambil maklum berdasarkan laporan yang dikemukakan, kesemua tiga (3) objektif keselamatan maklumat tahun 2020 belum dapat diukur atas justifikasi seperti berikut:	Makluman Makluman

MINIT	AGENDA				TINDAKAN/ MAKLUMAN
	Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2020	Pencapaian Januari - Jun 2020	
	1.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian (Peneraju: Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	100% (UPM Serdang) 98% (UPM Bintulu)	<u>UPM Kampus Serdang:</u> Belum dapat diukur. Pendaftaran pelajar baharu prasiswazah akan berlaku pada 10 - 11 Oktober 2020. <u>UPM Kampus Bintulu:</u> Belum dapat diukur. Pendaftaran pelajar baharu prasiswazah akan berlaku pada 3 - 4 Ogos 2020 (Diploma) dan 10 - 11 Oktober (Bachelor).	
	2.	Memastikan pemulihan sistem aplikasi semasa pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan (Peneraju: Pasukan Pusat Data)	≤ 3 jam	Belum dapat diukur. Proses Pendaftaran pelajar baharu prasiswazah akan berlaku pada 3 - 4 Ogos 2020 (Diploma) dan 10-11 Oktober (Bachelor).	
	3.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik (Peneraju: Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)	80%	Belum dapat diukur. Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua 2019/2020 sedang dijalankan bermula 15 - 26 Julai 2020.	

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
17.5	Laporan Penyata Pemakaian (Statement of Applicability (SoA)) Mesyuarat: (a) mengambil maklum Laporan Penyata Pemakaian (SoA) adalah sebagaimana Lampiran Agenda 5.0 yang dibentang dimana SoA terkini yang digunapakai adalah dengan tarikh kemaskini pada 03 Oktober 2019. (b) mengambil maklum Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA) yang sebelum ini dijadual akan diadakan pada 31 Mac 2020 terpaksa ditangguhkan ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Negara. (c) bersetuju supaya semakan SoA ISMS dibuat di peringkat peneraju/entiti yang terlibat terlebih dahulu bermula 20 hingga 27 Julai 2020. Draf cadangan perubahan hasil semakan peringkat peneraju/entiti seterusnya akan dibawa untuk semakan dan pengesahan semasa Sesi Pemurnian SoA ISMS yang akan dijalankan secara atas talian pada 29 Julai 2020.	Makluman Makluman Penyelaras ISMS, Semua Ketua Pasukan ISMS
17.6	Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Status Pelaksanaan Penilaian Risiko ISMS Tahun 2020 adalah sebagaimana dinyatakan di Lampiran Agenda 6.0 yang dibentang. (b) Mesyuarat dimaklumkan Penilaian Risiko Semakan Julai 2020 dijalankan bermula 8 hingga 21 Julai 2020 oleh semua pasukan ISMS. Hasil penilaian yang dilaksanakan ini akan dibawa untuk semakan bersama semasa Sesi Pemurnian Penilaian Risiko ISMS Semakan Julai 2020 secara atas talian pada 24 Julai 2020. (c) Mesyuarat mencadangkan penambahbaikan pengurusan risiko berikut dilaksana oleh pasukan ISMS yang terlibat, iaitu:	Makluman Penyelaras ISMS, Semua Ketua Pasukan ISMS

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
	(i) menjemput wakil Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja sekiranya ada laporan berkaitan isu penyelenggaraan sistem perparitan bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di Pusat Data. Perkara ini juga perlu diketengahkan untuk perhatian Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISMS; dan (ii) menyemak semula peranan dan risiko keselamatan maklumat yang melibatkan Bahagian Keselamatan Universiti dalam proses cetakan kad pelajar (PutravID).	TWP ISMS, Ketua Pasukan Pusat Data, Penyelaras ISMS Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)
	(d) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penilaian Risiko ISMS Semakan Julai 2020 yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS akan digunapakai untuk rujukan semasa pelaksanaan Audit Dalaman ISMS Tahun 2020 oleh semua pasukan ISMS.	Penyelaras Penilaian Risiko ISMS, Semua Ketua Pasukan
	(e) Mesyuarat meminta semua pasukan ISMS memaklumkan perubahan nama pentadbir Sistem MyRAM pasukan masing-masing kepada pihak Penyelaras Penilaian Risiko ISMS seberapa segera bagi membolehkan nama pegawai yang terlibat dapat dikemaskini ke dalam sistem berkenaan dan melancarkan proses penilaian risiko pasukan.	Penyelaras Penilaian Risiko ISMS, Semua Ketua Pasukan
	(f) Mesyuarat meminta supaya senarai nama pegawai yang diberi akses ke Sistem MyRAM direkodkan untuk tujuan pemantauan dan rujukan masa hadapan.	Penyelaras Penilaian Risiko ISMS

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
17.7	Laporan Status Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Setiap Pasukan ISMS Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang disediakan oleh empat (4) Pasukan ISMS bagi tempoh Februari hingga Julai 2020 adalah seperti di Lampiran Agenda 7.0 yang dibentang.	Makluman
17.8	Hal-Hal Lain 17.8.1 Cadangan Perubahan Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi Kemasukan 2020/2021 (a) Mesyuarat mengambil maklum cadangan perubahan Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi Kemasukan 2020/2021 adalah sepertimana Lampiran B. (b) Mesyuarat mencadangkan proses saringan Covid19 (ERT COVID19 UPM) secara dalam talian ini turut dimasukkan sebagai salah satu proses yang perlu dilengkapi oleh pelajar dalam Sistem eDaftar. 17.8.2 Pemakluman Berhubung Pelaksanaan Audit Badan Pensijilan ISMS Tahun 2020 (a) Menyuarat dimaklumkan bahawa pihak SIRIM telah bersetuju supaya Audit Lokasi Semasa Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah di Kampus Serdang pada tahun 2020 dikecualikan untuk dilaksanakan mengambilkira pelaksanaan audit lokasi semasa hari pendaftaran pelajar baharu pada tahun-tahun sebelum ini (2018-2019) telah dilaksanakan dengan kaedah yang sama dengan aspek keselamatan maklumat serta pendaftaran pelajar di lokasi telah berjalan dengan lancar. Hasil penemuan audit juga mendapati tiada laporan Ketakakuran (NCR) yang ditemui semasa pelaksanaan audit lokasi pada tahun 2018 (di kampus Serdang) dan tahun 2019 (di Kampus Bintulu).	Makluman Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	(b) Mesyuarat turut dimaklumkan Pelaksanaan Audit SIRIM tahun 2020 akan dilaksana secara pendekatan <i>Remote Audit</i> dan satu taklimat mengenainya akan diadakan dengan kerjasama pihak SIRIM kepada semua wakil PTJ di UPM.	Makluman
17.9	PENANGGUHAN MESYUARAT Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.40 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.	

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KE-17 SECARA ATAS TALIAN**

HADIR

1. Encik Krishnan Mariappan **- Pengerusi**
2. Encik Mustaffa Haji Dollah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Encik Mohd Faizal Daud (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
4. Encik Rosmi Othman (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
5. Encik Sudirman Asmadi (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu) - *melalui Video Konferen*
6. Encik Shahril Iskandar Amir (Ketua, Pasukan Pusat Data)
7. Encik Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)
8. Encik Ahmad Nizam Abdullah (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
9. Puan Yasminani Mohamad (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
10. Encik Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
11. Puan Shamrizah Shari **- Setiausaha**

TURUT HADIR

1. Encik Adidi Tamin (Wakil kepada Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

1. Tuan Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Puan Noorizai Haji Mohamad Noor (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
3. Encik Fahmi Azar Mistar (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
4. Encik Zaidi Talip (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)

CADANGAN PERUBAHAN PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Proses perubahan pendaftaran pelajar baharu ini adalah proses yang melibatkan Soal Selidik Pihak Berkepentingan di mana setiap pelajar baharu yang mendaftar perlu menjawab soalan kaji selidik yang telah disediakan oleh pihak universiti bagi melihat sejauh mana tahap keselamatan maklumat pelajar dipelihara oleh pihak universiti.

Sebelum ini proses yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Pelajar mengisi maklumat peribadi dalam sistem yang disediakan oleh pihak UPU
2. Data yang diperolehi akan diambil oleh Bahagian Kemasukan UPM melalui permohonan pada sistem UPU.
3. Pelajar yang mendapat tawaran akan melengkapkan borang maklumat pendaftaran pada sistem e-Daftar secara dalam talian.
4. Selesai peringkat pendaftaran di e-DAFTAR, pelajar akan datang bersemuka untuk menyempurnakan sesi pendaftaran dan Y kan di Kolej Kediaman.
5. Setelah di Y kan, pelajar akan diminta untuk menjawab Soalan Kaji Selidik Pihak Berkepentingan yang disediakan di kaunter.
6. Proses tamat.

Cadangan Perubahan Proses Pelaksanaan Pendaftaran Pelajar Baharu

1. Proses pendaftaran adalah sama seperti di atas, perubahan akan berlaku pada keterangan di nombor 4, di mana :
 - i. Pada ruangan e-DAFTAR, terdapat *link* (pautan) saringan Covid19 daripada ERT-Covid19 UPM
 - ii. Pautan tersebut akan boleh diakses oleh PIC ERT-Covid19 yang dipertanggungjawabkan untuk membuat analisis saringan kesihatan setiap pelajar.
2. Setelah selesai menjawab soalan saringan ERT-Covid19 UPM, pelajar akan terus di Y kan secara automatik pada *button* yang telah disediakan.

3. Pelajar akan datang bersemuka semasa hari pendaftaran untuk urusan pengambilan kunci bilik, kemudian setiap pelajar akan diminta untuk menjawab Soalan Kaji Selidik Pihak Berkepentingan yang disediakan di kaunter atau dengan menggunakan telefon bimbit masing-masing dengan mengimbas Kod QR yang disediakan.
4. Proses tamat.

CARTA ALIR

